

Tengku Mahmud sedia rebut jawatan MT

18

UM - 5 JAN 2000

KUALA TERENGGANU 4 Jan. — Bekas Setiausaha UMNO Terengganu, Datuk Dr. Tengku Mahmud Tengku Mansor menyatakan kesediaannya untuk bertanding merebut jawatan ahli Majlis Tertinggi (MT) jika dicalonkan.

Menurutnya, keputusan itu dibuat kerana negeri ini memerlukan wakil dalam MT bagi memperkuh UMNO negeri dalam usaha merampas Terengganu dari Pas.

“Jika ada pencalonan saya bersedia menimbang bertanding sebagai wakil dari negeri ini walaupun Terengganu tewas dalam pilihan raya baru-baru ini.

Namun negeri ini perlu ada wakil,” katanya di sini hari ini.

Tengku Mahmud turut menyokong jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan kali ini.

“Memang saya rasa UMNO berada dalam keadaan kurang licin dan ia perlu diperkukuhkan.

“Justeru, jawatan itu tidak ditahdngi...jika tidak, keadaan politik akan lebih gawat,” katanya.

Beliau turut menyokong perhimpunan agung UMNO kali ini dipercepat kerana jika lewat diadakan akan merosakkan UMNO.

“Ini kerana calon yang bertanding akan berkempen sedangkan perkara ini tidak baik untuk parti yang perlu bersatu padu pada masa ini,” tegasnya.

Mengenai arahan MT supaya cawangan mengadakan mesyuarat masing-masing pada 16 Januari ini beliau berkata, ia boleh diteruskan.

“Mesyuarat boleh diteruskan seperti yang diarahkan oleh Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad walaupun Badan Perhubungan UMNO Negeri belum dilantik,” katanya.

Kata beliau, walaupun Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri belum melantik timbalan dan jawatankuasanya, ia tidak menimbulkan sebarang masalah.